


JENDELA

BULETIN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM

Edisi 3, Oktober 1986



UNTUK EDARAN KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN SAHAJA



SEKAPUR SIREH

Sidang Pengarang Jendela merasa bangga dapat bertemu kembali dengan saudara/i. Dalam keluaran kali ini kami mengambil peluang untuk mengucapkan "Selamat tahun Baru Hijrah" kepada semua kakitangan yang beragama Islam. Harapan kami semoga Jendela menjadi bertambah matang dan semakin menarik dalam menyampaikan berita dan aktiviti Perpustakaan. Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada saudara/i yang sama-sama berusaha untuk menjayakan keluaran Jendela. Syabas ... semoga usaha ini dapat diteruskan.

Keluaran kali ini memberi peluang kepada saudara/i untuk menyertai peraduan esei bertajuk "Bagaimana hendak bekerja dengan cekap dan berkesan". Jangan lepaskan peluang ini - hadiah untuk pemenang disediakan. Harap jangan ketinggalan.

Akhir kata, salam mesra dari kami.

Sidang Pengarang:

Mohd. Pisol Ghadzali
(Ketua Pengarang)

Aznan Omar

Lillian Woon

Mary Vergis

Mohd Noor Din

Norma Bahri

Sakinah Che Embi

Penasihat:

Lim Chee Hong

Pencetak:

Kamaruddin Bidin
Ismail Abu

KANDUNGAN

Sekapur sirih.....ms.1

Ulasan mengenai penyelidikan
penyelidikan Perpustakaan.ms.2

Orientasi Perpustakaan....ms.4

Kebocoran di PPSF....ms.7

Hal-ehwal kakitangan.....ms.8

Aktiviti ASTAKA.....ms.11

Kartun.....ms.12


Laporan.....ms.13

Ucapan.....ms.15

dan berita-berita lain yang
menarik.

JENDELA mengucapkan ribuan
terima kasih kepada semua
pihak yang telah terlibat
dalam keluaran JENDELA kali
ini terutama kepada:

1. Sarimah Md. Saad (Jurutaip)
2. Zulkifli Hashim (Grafik)
3. S.Kirubanathan (Kartun)
4. Kamaruddin Bidin (Pencetak)
5. Ismail Abu (pencetak)



ULASAN MENGENAI PENYELIDIKAN
SAINS MAKLUMAT DAN PERPUSTAKAAN

Harris, Roma M. & Michell, B. Gillian. The Social Context of Reference Work: assessing the effects of gender and communication skill on observers' judgements of competence. Library & Information Science Research, v.8, no.1 (Jan-Mar 1986), p.85-101

Penyelidikan ini mengkaji bagaimana dua faktor, iaitu, jantina dan kemahiran dalam komunikasi, mempengaruhi penilaian tentang kemampuan seseorang pustakawan rujukan. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini merupakan eksperimen terkawal di mana sebilangan pengguna sebuah perpustakaan awam ditunjuk kaset-kaset video mengenai seorang pustakawan yang sedang memberi perkhidmatan rujukan kepada seorang pengguna. Pustakawan di dalam kaset-kaset video itu menggunakan langkah-langkah yang sama untuk mencari maklumat bagi menolong pengguna itu. Tetapi kaset-kaset video tersebut mempunyai perbezaan yang berikut:


- (a) dalam setengah kaset, pustakawan itu adalah lelaki dan yang setengah lagi adalah perempuan: demikian juga dengan jantina pengguna yang meminta bantuan;
- (b) pustakawan di dalam setengah kaset video itu ditunjuk sebagai lebih peramah (selalu senyum, memandang ke mata pengguna ketika bercakap dan menunjukkan gerak badan yang "terbuka");
- (c) dalam setengah kaset, pustakawan itu melibatkan pengguna dalam proses pencarian maklumat, misalnya dengan menerangkan apa yang sedang dilakukan dan mengapa maklumat dapat diperolehi dari sesuatu sumber, manakala dalam kaset video yang lain, pustakawan itu tidak melibatkan pengguna langsung.

Pengguna/pemerhati yang telah menyertai dalam eksperimen ini diminta memberi penilaian mereka selepas menonton kaset-kaset video tersebut. Antara perkara-perkara yang dinilai ialah kemampuan pustakawan dalam setiap kaset video yang disaksikan, kelakuannya (misalnya peramah atau tidak, mempunyai pengetahuan atau tidak) dan perasaan keyakinan dan keselesaan pemerhati terhadap pustakawan. Beberapa penemuan yang menarik diperolehi daripada kajian tersebut:

- (a) Tiada apa-apa perbezaan nyata didapati tentang penilaian kemampuan pustakawan itu mengikut jantina pustakawan atau pengguna.
- (b) Reaksi para pemerhati kepada usaha pustakawan untuk melibatkan pengguna dalam pencarian maklumat sangat menarik. Pemerhati perempuan memberitahu bahawa mereka merasa lebih selesa dengan pustakawan yang tidak/jarang melibatkan mereka dalam usaha pencarian maklumat. Di sebaliknya, pemerhati lelaki memberitahu mereka lebih suka pustakawan yang melibatkan pengguna dalam proses mencari maklumat.
- (c) Sikap peramah (melalui gerak badan atau "nonverbal warmth") seseorang pustakawan mengakibatkan para pemerhati menilaikannya lebih mampu dalam memberi jawapan yang berfaedah kepada pertanyaan rujukan. Pandangan ini diberi walaupun dalam kaset video, semua pustakawan memberi perkhidmatan dengan menggunakan langkah yang sama, hanya setengah di antara mereka senyum dan memandangkan ke muka pengguna apabila bercakap.

Kami tidak dapat meramalkan samada penemuan-penemuan dari kajian ini mempunyai persamaan di masyarakat kita kerana perbezaan nilai dan budaya pengguna-pengguna Malaysia dan Amerika Syarikat. Hanya dengan mengulangi penyelidikan tersebut di masyarakat kita sahaja dapatlah kami membandingkan penemuan-penemuan itu dan mengaplikasikannya. Tetapi beberapa kesimpulan boleh dikemukakan:

- (a) Sikap peramah pustakawan semasa memberi perkhidmatan kepada para pengguna biasanya dihargai dan mengakibatkan pandangan yang positif terhadap pustakawan serta imej perpustakaan secara amnya;
- (b) Penglibatan para pengguna dalam usaha mencari maklumat juga mendatangkan faedah; iaitu pengguna tersebut akan dapat pelajari bagaimana mencari maklumat secara sendiri pada masa depan.



W W Y

ORIENTASI

Orientasi Perpustakaan bagi Pelajar-Pelajar Baru

Sidang Akademik 1986/1987

Orientasi Perpustakaan bagi pelajar-pelajar baru sidang akademik 1986/87 telah diadakan pada 30hb. Jun hingga 4 Julai, 1986. Seramai 1,936 orang pelajar telah menghadiri orientasi ini. Dari jumlah tersebut sejumlah 1,195 orang adalah pelajar tahun I, 658 pelajar matrikulasi dan 83 orang pelajar yang mengikuti kursus sijil.

Pendaftaran Perpustakaan telah diadakan pada 29-30 Jun, 1986 bertempat di Pusat Mahasiswa dan Dewan Kuliah H, di mana hampir kesemua kakitangan Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan telah terlibat secara langsung. Dalam orientasi kali ini bukan sahaja kakitangan ikhtisas sahaja yang terlibat bahkan juga kakitangan am khusus dari Bahagian Perkhidmatan Pembaca.

Menurut Ketua Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan, orientasi ini mengandungi dua bahagian iaitu:

- a) Rancangan Pita Video;
- b) Lawatan ke pelbagai tempat perkhidmatan dalam perpustakaan.

Tujuan mengadakan lawatan dalam Perpustakaan selepas tayangan video adalah seperti berikut:

- a) Mengenalkan perkhidmatan-perkhidmatan utama dalam Perpustakaan kepada pelajar-pelajar baru;
- b) Memberi penerangan-penerangan asas terhadap cara-cara menggunakan Perpustakaan.

Selepas orientasi itu pihak Jendela telah membuat satu kajian tentang kefahaman pelajar-pelajar baru melalui orientasi tersebut. Beberapa orang pelajar baru telah kami temui. Antara pendapat yang diberikan ialah:

- 1) mereka tidak faham bagaimana mencari maklumat.
- 2) tidak suka Bahasa Inggeris dicampurkan dengan Bahasa Malaysia.
- 3) belum biasa dengan tempat-tempat pinjaman dan koleksi-koleksi yang sedia ada.
- 4) penggunaan mikrofilem dan mikrofilm tidak ditekankan sehingga ada antara mereka yang belum pernah melihat bahan-bahan ini.

- 5) kumpulan yang terlalu besar sukar untuk memahami apa yang diterangkan.
- 6) orientasi patut dibuat sebulan selepas mereka masuk ke kampus.

Walaupun begitu orientasi ini berjalan dengan lancar dan sambutan yang diberikan oleh pelajar-pelajar sangat memuaskan.

ATS

Seramai 91 pelajar baru telah terlibat di dalam orientasi di Perpustakaan Perubatan. Orientasi dimulakan dengan taklimat oleh Penolong Pustakawan pada pukul 8.30 pagi pada 10hb. Julai 1986. Risalah penerangan Perpustakaan Perubatan telah diberikan kepada setiap pelajar. Selepas taklimat, pelajar-pelajar telah diberi penerangan mengenai koleksi Perpustakaan Perubatan seperti buku-buku di rak terbuka, buku-buku simpanan khas, alat pandang dengar, bahan rujukan, majalah kini dan majalah berjilid. Penerangan juga diberikan mengenai peraturan-peraturan perpustakaan dan perkhidmatan yang disediakan kepada pelajar-pelajar. Penekanan diberikan terhadap penggunaan katalog mengikut pengarang, judul dan perkara.

Ramai pelajar menunjukkan minat terhadap orientasi tersebut dan berbagai soalan telah dikemukakan terutamanya mengenai penggunaan katalog dan alat-alat pandang dengar. Orientasi berakhir pada pukul 12.45 tengahari.

Pihak Perpustakaan Perubatan mengucapkan ribuan terimakasih kepada Cik Fawzia Dawood dan Puan Penelope Husin yang telah bersama-sama menjayakan orientasi ini.

Di samping itu, seramai 92 orang pelajar tahun 2 dan 3 juga terlibat di dalam orientasi. Orientasi dimulakan dengan taklimat oleh Dr. Sathy Ramakrishnan (Pusat Pengajian Sains Perubatan) dan diikuti pula dengan taklimat oleh Cik Fawzia Dawood pada pukul 8.30 pagi, 3hb. Julai 1986.

Pelajar-pelajar diberi penerangan mengenai Index Medicus, katalog perkara dan bahan-bahan rujukan. Pelajar-pelajar juga telah dikehendaki menjawab soalan latihan yang diberikan secara berkumpulan.

Sebelum orientasi berakhir, setiap pelajar dikehendaki menjawab 10 soalan penilaian. Berpandukan kepada jawapan pelajar pada soalan-soalan tersebut, 60 peratus berpendapat latihan tersebut menjemukan dan 20 peratus lagi berpendapat latihan tersebut mengelirukan. Orientasi berakhir pada pukul 12.30 tengahari.

SFH

Orientasi Perpustakaan untuk Blok "Sistem Saraf"

Blok "Sistem Saraf" ini bermula pada 8hb. September, 1986 sehingga 18hb. Oktober, 1986. Pihak Perpustakaan Perubatan Cawangan Pulau Pinang telah dipertanggungjawabkan untuk memulakan blok ini di dalam membantu pelajar mencari bahan rujukan yang berkaitan.

Seramai 91 orang pelajar tahun I Pusat Pengajian Sains Perubatan telah terlibat di dalam orientasi ini. Orientasi bermula dengan taklimat oleh Penolong Pustakawan pada pukul 10.30 pada 8hb. September 1986.

Pelajar-pelajar telah dibahagikan kepada 2 kumpulan. Kumpulan A dikehendaki berada di Perpustakaan Perubatan, sementara Kumpulan B mengikuti kuliah pengenalan mengenai "Sistem Saraf" oleh Prof. Madya Dr. Hamiadji Tenuseputro yang bertindak sebagai koordinator blok.

Satu pameran koleksi perpustakaan yang terdiri daripada buku-buku, majalah dan alat pandang dengar yang berkaitan dengan "sistem saraf" telah diadakan pada hari tersebut. Para pelajar telah diajar menggunakan "Medical Subject Headings" di dalam bidang tersebut. Mereka juga digalakkan mengguna alat-alat pandang dengar.

Sempena orientasi itu juga, pelajar-pelajar mengikuti tayangan slaid bertajuk "The Structure of Nervous Tissue". Beberapa orang kakitangan Perpustakaan Perubatan telah terlibat secara langsung di dalam orientasi ini.

Sebelum orientasi berakhir, pelajar-pelajar dikehendaki menjawab 5 soalan penilaian. Berpandukan kepada jawapan pelajar kepada soalan-soalan tersebut, 57 peratus memahami sepenuhnya tunjukajar dan penerangan yang diberikan, 42 peratus memahami sebahagian dan 1 peratus tidak faham akan latihan yang diberikan. Orientasi berakhir pada pukul 4.30 petang.

SFH

BERITA TERAKHIR

ASTAKA akan mengadakan lawatan ke Pulau Jerjak pada 12hb. Oktober 1986. Beberapa perlawanan persahabatan akan diadakan dengan Kakitangan Pihak Penjara.

BERITA BERITA



Kebocoran di Perpustakaan Perubatan Cawangan Pulau Pinang

Hujan lebat pada 20hb. September, 1986 (Sabtu) telah menyebabkan air di anjung tingkat atas bangunan Perpustakaan Perubatan bertakung dan menyerap ke tingkat bawah. Kejadian ini adalah berpunca daripada kelalaian pihak kontraktor yang telah menutup saluran pengaliran air di tingkat atas bangunan dan terlupa membukanya apabila bangunan ini mula digunakan.

Encik Lim Chee Hong dan beberapa orang pekerja Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah datang memberikan bantuan pada hari tersebut. Penukul besi telah digunakan untuk memecahkan simen yang menutup kedua-dua saluran tersebut.

Lebih kurang 1,500 buah majalah berjilid terpaksa dipindahkan di mana 420 daripadanya basah sedikit dan 79 lagi basah teruk. Kerosakan ini merangkumi judul Acta Anatomica hingga judul American Journal of Physiology iaitu lebih kurang 40 judul majalah berjilid. Perpustakaan Perubatan telah ditutup pada hari tersebut bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dijalankan. Pihak Perpustakaan Perubatan mengucapkan ribuan terimakasih kepada semua pihak yang terlibat.

SFH



HAL-EHWAL HAKITANGAN


Dari 4-6 September 1986, Salmah Mohd Noor, Noorizan Hj. Abdul Hamid, Fawzia Dawood, Mary Vergis dan Che Hasnah Hj. Ghani telah menghadiri "LAS/PPM Congress of Librarian and Information Scientists" di Hotel Hilton Singapura. Persidangan tersebut bertemakan "The New Information Professionals".

Perkara-perkara yang dibincangkan berkisar mengenai :

1. Perkembangan peranan dan imej pustakawan selaras dengan kemajuan elektronik;
2. Pengaruh teknologi baru ke atas penerbitan dan pemasaran buku;
3. Keberkesanan teknologi baru ke atas pengedaran maklumat media massa;
4. Penubuhan pakar perunding maklumat;
5. Perancangan dan perangkaian maklumat berkomputer seperti SILAS, VTLS;
6. Teknologi maklumat dan kesan-kesannya
7. Perancangan dan perkembangan sumber tenaga dalam perkhidmatan maklumat.

Pada keseluruhannya, persidangan tersebut telah memberi perspektif meluas memperkenalkan kepada perkembangan dan aplikasi teknologi baru dalam sains perpustakaan.

NHAH



Md Noor ! ku ucapkan,

"SELAMAT PENGANTIN BARU"

Bila di atas pelamin nanti;
Mata tuu ..., Jangan dok kerling
kerling sangat
Nanti terjuling biji mata
Tersemput mak andan nanti.

Dariku : Zeey.

HAL-EHWAL KAKITANGAN

KAKITANGAN BARU PERPUSTAKAAN UTAMA

1. Nor Jannah Hj. Omar (Pegawai Tadbir)
2. Nasir Khan S.M. Habib Momamed. (Atenden)
3. Kulsoom Che Din (Menggantikan Roziah Mohamad)
(Jurutaip)

PENUKARAN JABATAN

1. Roziah Mohamad (Jurutaip Pusat Pengajian
Teknologi Perindustrian)

PERLETAKAN JAWATAN

1. Siti Rodziah Hassan (Penyunting)

SELAMAT DATANG DAN SELAMAT BERTUGAS DIUCAPKAN KEPADA SEMUA KAKITANGAN BARU. KEPADA YANG BERPINDAH SELAMAT MAJU JAYA DI TEMPAT YANG BARU DAN RAJIN-RAJINLAH KIRIM BERITA.

=====

SELAMAT PENGANTIN BARU KEPADA
MAZLAN NOR (BHG. PROSES TEKNIK)
& ROZITA BINTI ZAINAL

JUGA BUAT:

MD. NOOR BIN DIN & NORHANIZA
MAARUS YANG AKAN MELANGSUNGKAN
PERKAHWINAN PADA 26.10.1986

Semoga berkekalan hingga ke anak
cucu.



TAHNNIAH KEPADA HALIZA ZAKARIA
DAN PARAMASWARY ANTONY MORRIS
ATAS KELAHIRAN CAHAYA MATA.

HAL-EHWAL KAKITANGAN

Pada 21 dan 22hb Jun 1986, Simposium Siswazah Islam Zon Utara telah diadakan bertempat di Dewan Kuliah A, Universiti Sains Malaysia. Seramai lima orang kakitangan Perpustakaan telah dipilih untuk menyertai Simposium tersebut. Mereka terdiri dari:-

- a. Mohd. Fisol Ghadzali
- b. Amin Razip Hassan
- c. Mustafa Albakri Abdul Majid
- d. Nor Adzam Baba
- e. Zainol Abdul Karim

Simposium ini telah dirasmikan oleh Y.B. Encik Anwar Ibrahim. Simposium yang berjalan selama dua hari itu sangat memberi manfaat di bidang pendidikan agama dan mendekatkan para peserta kepada dakwah Islamiah.

ZAK

JAMUAN HARI RAYA ADIL FITRI

Jamuan Hari Raya Adil Fitri telah diadakan pada jam 4.45 petang, hari Khamis, 3 Julai 1986, di Bilik Rehat Kakitangan Perpustakaan. Sambutan sangat menggalakkan. Seramai 150 orang kakitangan telah hadir. Nampaknya telah menjadi satu "trend" bagi kakitangan Perpustakaan untuk mengadakan jamuan sempena hari-hari perayaan. Dengan jamuan seumpama ini ianya dapat menjalinkan perhubungan antara kakitangan Perpustakaan.

MFG

BERITA TERAKHIR

ASTAKA akan menganjurkan satu lawatan ke Haadyai/Songkhla pada 8-9 hb. November 1986. ASTAKA bersetuju memberi subsidi sebanyak \$5.00 untuk tiap-tiap ahli. Sesiapa yang berminat sila megisikan borang yang telah diedarkan. Tarikh tutup pada 31hb. Oktober 1986.

AKTIVITI ASTAKA


Sukaria Keluarga Astaka telah diadakan pada 21hb. September 1986 jam 8.30 pagi bertempat di Padang A. Seramai lebih kurang 140 orang kakitangan perpustakaan dan keluarga telah menghadiri temasya tersebut. Sambutan yang diberikan sangat menggalakkan. Beberapa permainan rakyat untuk ahli-ahli dan keluarga telah diadakan. Permainan-permainan tersebut adalah seperti berikut:

1. Masuk bola ke dalam bakul (Tadika)
2. Membawa bola pingpong dengan sudu (Tadika)
3. Berjalan berkaki tiga (Darjah 1-3)
4. Meniup dan memecah belon (Terbuka)
5. Berjalan atas bata (Terbuka)
6. Memasang gambar (Terbuka)
7. Menjaring gol (Terbuka)
8. Mengumpul air (Terbuka)
9. Memancing ikan (Terbuka perempuan)
10. Mencari tudung bekas (Terbuka lelaki)
11. Acara khas (Suami/isteri)

Sukaria ini berjalan dengan lancar dan berakhir pada pukul 12.30 tengahari selepas semua hadiah untuk cabutan nombor bertuah diberikan.

LAWATAN KE CAMERON HIGHLANDS

ASTAKA telah merancangkan satu lawatan ke Cameron Highlands iaitu pada 4-5 hb. Oktober 1986, selama dua hari dan satu malam. ASTAKA bersetuju memberi subsidi sebanyak \$5.00 untuk seorang ahli. Walaubagaimana pun disebabkan sambutan dari ahli kurang memuaskan maka lawatan ini dibatalkan.





This is a story about four people:

Everybody, Somebody, Anybody and Nobody.

There was an important job to be done and Everybody was asked to do it. Everybody was sure somebody would do it. Anybody could have done it, but Nobody did it.




Somebody got angry about that because it was Everybody's



job. Everybody thought Anybody could do it but Nobody realised that Everybody wouldn't do it.

It ended up that Everybody blamed Somebody when actually

NOBODY ASKED ANYBODY



LAPORAN

JAWATANKUASA BARU T.K.K.K.P., 1986-1988

Pengerusi : En. Lim Chee Hong
Setiausaha: Puan Masrah bt. Hj. Abidin
Bendahari : Puan Rashidah Begum
Ahli Biasa: Puan Yeoh Hoong Kheng
Cik Lilian Woon
Puan Chang Siw Lai

Wakil
Perpustakaan
Perubatan
(Cawangan): Cik Siti Fatimah Hashim

Wakil
Perpustakaan
Perak
(Cawangan) : Cik Foyziah Ahmad Nasuruddin

Juruodit : En. Pang Siam Choong

Sejak penubuhan TKKKP, sebanyak 13 pinjaman telah diberikan, iaitu 7 pinjaman pada tahun 1985, dan 6 lagi pinjaman pada tahun 1986. Setakat ini kedudukan bilangan kakitangan yang telah dan yang akan menduduki peperiksaan adalah seperti berikut:

Peperiksaan STP : 11 orang

Peperiksaan SPM : 2 orang

MHA

TAHNIAH!! DIUCAPKAN KEPADA AJKSKA KERANA BERJAYA MENGANJURKAN SUKARIA KELUARGA ASTAKA. SEMUGA IANYA DAPAT DIADAKAN PADA MASA-MASA AKAN DATANG.

CSL & RAKAN-RAKAN

KHIDMAT_CEMERLANG

Berikut adalah penerangan ringkas mengenai skim pemberian pengharagaan khidmat cemerlang USM.

Pencalonan untuk pertimbangan penghargaan di bawah skim ini pada peringkat awalnya dibuat oleh Jawatankuasa Kecil Khidmat Cemerlang di Perpustakaan ini terdiri dari Pustakawan-Pustakawan Kanan. Nama calon-calon terlebih dahulu telah disyorkan oleh setiap Ketua Bahagian.

Apakah asas pemilihan yang dibuat?

Antaranya ialah:

- i) Prestasi kerja; termasuk hasil dan minat terhadap kerja.
- ii) Mutu kerja.
- iii) Sikap terhadap kerja; termasuk daya utama dan sikap bertanggungjawab kepada kerja.
- iv) Kelakuan; termasuk disiplin diri dan sikap bertolak ansur serta tolong menolong.
- v) Perkhidmatan pada masyarakat; iaitu penglibatan dalam kegiatan-kegiatan luar pejabat.

Markah-markah diberi kepada angkubah-angkubah asas pemilihan ini untuk membantu Jawatankuasa membuat keputusan.

Keputusan muktamad akan dibuat oleh Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan oleh Naib Canselor. Jawatankuasa ini juga akan menentukan bentuk penghargaan yang akan diberi. Selain dari sijil, bentuk penghargaan lain mungkin berupa cuti tahunan tambahan, kenaikan gaji dan lain-lain. Skim ini adalah untuk menggalakkan semua kakitangan meninggikan prestasi kerja dalam usaha khidmat kepada negara. Berikut adalah nama kakitangan dari Perpustakaan yang berjaya mendapat anugerah tersebut;

- 1) Pang Siam Choong.
- 2) Woo Kok Pheng.
- 3) Oh Seng Yin.
- 4) Wong Peng Kit.
- 5) Hussein b. Hj. Tahir.

NB

ASTAKA telah menganjurkan majlis jamuan teh untuk meraikan kakitangan baru dan juga untuk meraikan kakitangan yang berpindah ke Jabatan lain. Jamuan ini diadakan pada Hari Jumaat, 3hb. Oktober 1986. Sambutan daripada ahli sangat menggalakkan...



KEPADA SEMUA
KAKITANGAN
PERUSAHAAN
BERUGAMA
HINDU


SELAMAT
MENYAMBUT
DEEPAVALI
DARIPADA
LIM HUCK TEE
& ISTERI

KEPADA SEMUA
KAKITANGAN
YANG
BERUGAMA
HINDU


SELAMAT
MENYAMBUT
DEEPAVALI
DARIPADA
LIM CHEE HONG

UCAPAN...

UCAPAN...



UCAPAN...



SUMBER LAMAM

SOUVENIR UNTUK SEBUAH NAMA

Waktu aku meninggalkan persisian
Detik pertemuan antara kita
Aku telah begitu mengerti
Kemesraan itu telah berlalu
Kerana dimata mu
Telah tiada barang setitik
Warna cinta.

Aku tak ingin juga mendendami
Walau kau meninggalkan aku
Tanpa sepatah bicara
Hanya di sini secebis Souvenir
Buat peringatan yang tulin
Lewat kenangan mesra
Tentang cinta kita.

Mungkin telah cukup sekadar
demikian
Aku mencatatkan beberapa
patah kata
Untuk menenangi hati bila malam
Seakan-akan "AKU PENDATANG"
sebuah lagu
Yang telah kering iramanya
Menyanyi pada malam tertutup
Pada mesra.

Souvenir ini untuk mu
Bagai kijang emas
Yang dihadiahkan
Untuk Seta Dewi
Sebelum aku meninggalkan

Segugus rasa yang demikian pedih
Mengikat getar jiwaku

ZEEY 84

CAHAYA

Dalam kegelapan yang pekat
hanyut sabut ditengah lautan
hanyut bersama impian bahagia
hanyut untuk sampai ke pulau
pulau batu
yang menjanjikan keindahan
yang menjanjikan keseronokan

Kebahagiaan yang kekal akan
terjelma jua
bersama satu cahaya
cahaya yang amat dirindui
cahaya yang menjadi idaman.

Dari kegelapan bertemu cahaya
jika ia disiakan
ia akan terus lenyap
biar cahaya datang pada
masanya
biar ia berguna seisi alam
bersama keindahan dan harapan
sinar yang bersinar untuk
selamanya.

Tinggalkan dunia kegelapan
itu
cari sinar yang baru
terangilah jalan yang akan
dilalui,
buanglah sampah-sampah
di jalanan
pungut daun-daun kering itu,
hindarilah kebakaran alam
ini.

SAAD DARUS

FIKIRANKU TERGANGGU


Di masa ini....
aku dikelilingi buku
dalam bangunan
yang kaku

di sini
di bangunan konkrit
pusat intelek
aku merasa pelik

siswa-siswi
berkeliaran
memburu waktu
mencari ilmu

aku masih termanggu
di situ
fikiran buntu
tak menentu

ARH



MALMARC SYSTEM

The MALMARC System, one of the projects handled by the National Projects Units, Automation and Research Division, stands for Malaysian Machine-Readable Cataloguing System. It was set up in July 1979. The Universiti Sains Malaysia Library is the coordinating and processing centre for the MALMARC System. The following libraries are the participants of the system.

Perpustakaan Negara Malaysia
Universiti Kebangsaan Malaysia
Universiti Malaya
Universiti Pertanian Malaysia
Universiti Sains Malaysia
Universiti Utara Malaysia
Nanyang Technological Institute, Singapore.

All the libraries except Universiti Utara Malaysia and Nanyang Technological Institute are the founder members of the system. Policy or decision making is vested on the founder members, collectively known as MALMARC Consortium.

Services provided by the MALMARC System to the participating libraries are as follows:

- a) Selection of MARC records from the Library of Congress and the United Kingdom MARC tapes for the participating libraries.
- b) Processing of all the records (selected records or original inputs) for the participating libraries.
- c) Maintenance of a Union Database of all the participating libraries.
- d) Maintenance of individual database for the participating libraries.
- e) Production of COM fiche catalogues for all the participating libraries at regular intervals.
- f) Production of monthly accession lists and accession files for the participating libraries.

- g) Production of authority files and any other listings as requested by the participating libraries.

The MALMARC System also manages the PERPUNET project, which is a cooperative effort to create a union list of serials database in machine readable form. The processing of the Bibliografi Negara Malaysia is another project undertaken by the MALMARC System.

As at September 1986, the number of records in the MALMARC System are as follows:


Perpustakaan Negara Malaysia	58,488	records
Universiti Kebangsaan Malaysia Library	37,557	"
Universiti Malaya Library	48,707	"
Universiti Pertanian Malaysia Library	53,213	"
Universiti Sains Malaysia Library	179,007	"
Universiti Utara Malaysia Library	10,056	"
Nanyang Technological Institute Library	27,748	"

	414,776	"

Staff

A total of 14 full-time and 1 part-time staff are employed in the MALMARC System. They consist of 1 Coordinator, 1 Assistant librarian, 2 Administrative Officers, 2 clerks, 4 editors, 4 keypunch operators and 1 stenographer (part-time).

PSC



KAMI MENGUCAPKAN SELAMAT
MENYAMBUT HARI DEEPAVALI
KEPADA SEMUA KAKITANGAN
YANG BERAGAMA HINDU


DARIPADA: ASF
CMS
NK
IM
HS

UCAPAN

DEEPAVALI VALTHUKKAL NAMATHU HINDU NAMBARGALKU
HASSAN HASHIM KITTENTU

SELAMAT HARI DEEPAVALI
kepada semua yang
merayakannya
dari: Akhiar & Akla

LYY mengucapkan
SELAMAT HARI DEEPAVALI
kepada semua kakitangan
yang merayakannya...



From: Teh Toh Seng

"DEEPAVALI VALTHUGAL"
to all the Indian friends
in the library (Especially
to Bala Tambi, Kiru Aneh,
Muniandy Aneh, Noris
Machan etc)

A Very Happy and Joyful Deepavali
to Kiru and family
(P.S "BANANA" galore for all)
from: BFL


Selamat Hari Deepavali kepada
semua kakitangan Perpustakaan
yang beragama Hindu.
-Angela & Keluarga

Selamat Hari Deepavali
kepada semua kakitangan
yang merayakannya - Arjan

"SELAMAT HARI DEEPAVALI"
UNTUK SEMUA KAKITANGAN
YANG BERUGAMA HINDU...PARAMESWARY

Omar Charkim, Nor Adzam & Mohd. Zaki mengucapkan
"SELAMAT HARI DEEPAVALI"

SELAMAT HARI DEEPAVALI
UNTUK SEMUA KAKITANGAN
BERUGAMA HINDU
DARI: CATHERINE LOH



DI UCAPKAN SELAMAT MENYAMPUT
PERAYAAN HARI DEEPAVALI
KEPADA SEMUA KAKITANGAN YANG
BERAGAMA HINDU DI
PERPUSTAKAAN DARI:

M. BALAKRISHNAN
S. MUNUSAMY
S.S. PARAM

தீபாவளி நல்வாழ்த்துக்கள்

SELAMAT
MENYAMBUT HARI DEEPAVALI
KEPADA SEMUA KAKITANGAN PERPUSTAKAAN
YANG BERAGAMA HINDU

DARIPADA:
MOHD. AROP
HJ. SENAWI
(EXCO KANAN)

ZAINOL ABD. KARIM
(SPEAKER)

MOHD. ABBAS
YUSOFF
(EXCO)

Y.B. DATUK SHAM
(SETIA USAHA
POLITIK)

S.M. IDRIS (WAKIL KIMMA)

SELAMAT
HARI DEEPAVALI

KEPADA SEMUA KAKITANGAN
YANG BERAGAMA HINDU

Daripada:

MUNIANDY RAJAMANIKAM
V. RAVINDRAN
K. KALIAPAN



SELAMAT
PENGANTARAN

RAJUL
KEPADA

NOOR

& NOR HANIZA




UCAPAN DEEPAVALI







FROM
 GOON KUANG OK
 LILY OH
 ONG CHIN HOCK
 QUAH KUNG HAI
 WOO KOK PENG

HAPPY
 DEEPAVALI
 TO ALL
 OUR
 HINDU
 FRIENDS







**KEPADA
KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN
BERUGAMA
HINDU
DEEPAVALI
VALTHUGAL
DARIPADA AZNAN,
LILLIAN, MARY
MD NOOR, NORMA
PISOL, SAKINAH**

APA

JAWABNYA

HADIAH \$5.00


APA NAMA BINATANG YANG
BERTAMBAH PANJANGNYA
BERTAMBAH PULA BANYAK
TELURNYA?...

Jawapan hendaklah dialamatkan
kepada;

JAWATANKUASA APA JAWABNYA
d/a BAHAGIAN AUTOMASI
Jawapan mesti sampai selewat-
lewatnya pada 21 November 86.

Semua jawapan akan di umumkan
dalam keluaran ke-5 JENDELA

KEPUTUSAN SILANG KATA



PEMENANG PERADUAN NO2;

WOO KOK PHENG
BAHAGIAN BAHASA MALAYSIA

DIUCAPKAN TAHNIAH!!!
KEPADA YANG KURANG
BERNASIB BAIK BOLEH
MENCUBA DALAM PERADUAN
MENULIS ESEI DAN JUGA
PERADUAN APA JAWABNYA.
SELAMAT MENCUBA LAGI!

Peraduan Menulis Esei

PERBEZAAN ANTARA KERJA YANG CEKAP DAN KERJA YANG BERKESAN (EFISIEN & EFEKTIF)

OBJEKTIF : MENDAPAT KELAPA MUDA UNTUK
MINUM AIRNYA


CEKAP & BERKESAN



Menggunakan teleskopi yang sesuai : memudahkan kerja, hasil tercapai dengan jimat.

TIDAK CEKAP

TIDAK BERKESAN



Menggoyang pokok : tenaga habis, kelapa muda tidak akan jatuh, nasib-nasib kelapa tua hempap kepala.

CEKAP

TIDAK BERKESAN



Menggunakan beruk : tenaga sendiri tidak terbang, tetapi beruk dilatih pilih kelapa tua!

TIDAK CEKAP

BERKESAN



Menebang pokok : Mudah dapat hasil, tetapi apakah tinggal untuk esok?

TAJUK; BAGAIMANA HENDAK BEKERJA DENGAN CEKAP DAN BERKESAN

Syarat Penyertaan;

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua kakitangan Perpustakaan.
2. Sidang pengarang JENDELA tidak dibenarkan mengambil bahagian.
3. Bayaran masuk tidak dikenakan.
4. Penilaian markah berdasarkan kepada ide yang berkesan dan dapat dipraktikkan.
5. Keputusan Pengadil adalah muktamad.
6. Penyertaan yang lengkap hendaklah dihantar kepada: JAWATANKUASA PERADUAN ESEI d/a Bahagian Automasi.
7. Penyertaan mestilah sampai selewat-lewatnya pada 21hb. November 1986.
8. Pemenang akan diumumkan dalam keluaran ke-5 JENDELA.

